

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab terakhir ini mengandungi dua bahagian utama iaitu rumusan dan cadangan. Rumusan di sini membawa pengertian kesimpulan kepada semua fakta-fakta penting terhadap kajian yang telah dilaksanakan penulis dalam bab-bab yang terdahulu. Selepas megutarakan beberapa rumusan, penulis akan memberikan cadangan-cadangan bernas dan signifikan kepada beberapa pihak seperti para pengkaji selepas penulis yang melakukan penyelidikan dalam disiplin retorik serta agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terutamanya bidang al-Badī'. Adalah menjadi harapan penulis, mereka dapat melipatgandakan usaha dalam pembentukan kurikulum retorik yang berimpak tinggi serta menjadi pemangkin kepada penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan para pencinta bahasa tersebut.

5.2 Rumusan

Setelah memerhatikan perbincangan dan analisis yang telah dilakukan dalam kajian ini, penulis mengemukakan beberapa rumusan penting yang menjadi inpati keseluruhan kajian ini. Antaranya ialah :

1. Pengajaran dan pembelajaran disiplin al-Badī' merupakan satu bahagian penting dalam

perbahasan retorik yang membicarakan mengenai ketepatan pemilihan perkataan untuk memberikan makna yang signifikan kepada para pendengar. Antara perbahasan terpenting dalam disiplin al-Badī' ialah al-Ṭibāq yang menjadi topik kajian ini. Menerusi perbincangan dalam topik ini, kita dapat mengenal pasti kriteria keunggulan al-Qur'ān serta keindahan puisi dan prosa Arab.

2. Al-Ṭibāq mengambil ruang yang besar dalam penurunan ayat-ayat al-Qur'ān dan percakapan Arab daripada aspek retorik . Perkara ini berlaku adalah bertujuan untuk pemantapan makna dalam fikiran manusia di samping memberi ingatan berganda agar pihak pendengar dapat menfokuskan pemerhatian terhadap sesuatu pengujaran itu. Disiplin al-Ṭibāq adalah suatu fenomena biasa yang sering terdapat dalam artikel, percakapan, puisi mahupun prosa. Para sarjana retorik telah menggariskan beberapa panduan khusus dalam membantu pemahaman matlamat dalam konteks ayat.
3. Secara umumnya, kajian ini memberikan fokus kepada empat dimensi terbesar yang bersesuaian dengan penyelidikan yang dilaksanakan penulis. Dimensi yang mendasari perbahasan ini ialah pengenalan kepada kajian, penjelasan menyeluruh tentang al-Ṭibāq dan keterangan ringkas mengenai komponen-komponennya, pencarian ayat-ayat al-Qur'ān mengenai al-Ṭibāq dan analisis ayat-ayat al-Qur'ān tentang al-Ṭibāq dan kedudukannya.

4. Penulis memilih kajian perpustakaan sebagai metodologi kajian utama dalam menghasilkan penyelidikan ini. Ia bertujuan agar penulis dapat menerobos segala ilmu pengetahuan yang tersembunyi dalam kitab-kitab besar mengenai retorik terutamanya perkara-perkara yang menunjangi al-Ṭibāq. Selain itu, penulis juga berusaha sedaya upaya mengeluarkan kesemua ayat-ayat al-Qur’ān yang menyentuh disiplin al-Ṭibāq walau pun semua kitab memberikan sedikit contoh sahaja sebagai pengenalan kepada aspek al-Ṭibāq.
5. Penghuraian al-Ṭibāq dan komponen-komponennya dibincangkan secara panjang lebar dalam bab ketiga. Penulis membahagikan al-Ṭibāq kepada lima belas bahagian dan menghuraikannya secara menyeluruh dan terperinci. Manakala topik-topik lain pula, penulis menyentuh secara sepintas lalu agar para pembaca dapat memahami dan menghayati bidang-bidang al-Badi dan membuat perbandingan antara al-Ṭibāq dan komponen-komponennya.
6. Penjelasan mengenai al-Ṭibāq dalam al-Qur’ān al-Karīm pula dibahaskan dalam bab keempat. Penulis berusaha sedaya mungkin untuk mencari kedudukan al-Ṭibāq dan pembahagiannya agar para pembaca mendapat gambaran menyeluruh mengenai al-Ṭibāq dan memberi keterangan yang jelas mengenai posisinya.
7. Pencarian kedudukan al-Ṭibāq dalam seluruh al-Qur’ān antara dua kata nama secara menyeluruh dan sistematik dapat lihat dengan jelas dalam

bab ketiga. Penulis beranggapan pencarian ini menjadi suatu pemangkin yang kukuh serta menjadi pangkalan data yang lengkap bagi para pengkaji retorik Arab. Kedudukan ini dibahagikan kepada lima belas bahagian supaya dapat memberi gambaran yang jelas tentang posisi al-Ṭibāq dalam kalam Allah.

8. Fakta menarik dalam kajian ini ialah beberapa penemuan baru dalam analisis ini iaitu kewujudan serentak dua al-Ṭibāq dalam satu ayat pada 42 keadaan, tiga al-Ṭibāq dalam satu ayat pada 5 keadaan serta empat al-Ṭibāq dalam satu ayat pada satu keadaan. Tidak ketinggalan juga kewujudan al-Ṭibāq dalam dua frasa pada 21 keadaan. Selain itu, al-Ṭibāq boleh didapati dalam 91 surah dan 23 surah lagi tidak mengandungi sebarang al-Ṭibāq. Ia menunjukkan keagungan Allah Taala dalam memberi kefahaman yang jelas secara serentak kepada umat manusia supaya dapat membezakan dua perkara yang bertentangan.
9. Pengulangan yang berlaku pada sesetengah perkataan seperti langit dan bumi, siang dan malam, matahari dan bulan bertujuan untuk memperkukuhkan maklumat dalam jiwa manusia ('Aliy al-Jarim & Mustafa Amin, 1977, : 251). Perkara ini berlaku kerana fitrah manusia yang sering terlupa perkara-perkara penting memerlukan pengulangan secara berterusan. Pepatah Inggeris ada menyatakan : *Repeation is mother of knowledge* yang bermaksud pengulangan itu ibu kepada ilmu pengetahuan.

5.3 Cadangan

Setelah kajian mengenai al-Ṭibāq dalam al-Qur'ān al-Karīm dilaksanakan, penulis ingin memberikan beberapa cadangan dan saranan yang dirasakan berguna bagi mempertingkatkan martabat bahasa Arab dan penguasaan para pembaca mengenai pembelajaran disiplin retorik. Antaranya ialah :

1. Kajian ilmiah seperti ini perlu diperhebatkan lagi dari masa ke semasa sama ada dalam bentuk tesis, disertasi, jurnal, monograf dan sebagainya. Ini perlu dilakukan bagi membolehkan masyarakat mendapat pendedahan bahan ilmiah yang bermutu tinggi terutamanya dalam memberi kefahaman terhadap isi kandungan al-Qur'ān. Penulis mendapati buku-buku yang terdapat dengan begitu banyak di pasaran tidak memberi impak positif kepada masyarakat kerana ia lebih mefokuskan cerita-cerita fantasi, hiburan dan sebagainya.
2. Bahan-bahan bacaan yang menyentuh aspek bahasa Arab perlu diperbanyakkan khususnya aspek retorik yang menyelami apa yang tersirat dalam al-Qur'ān. Bahan-bahan ini sekurang-kurangnya dapat membantu pelajar yang mengambil jurusan pengajian Islam dan bahasa Arab mendapat manfaat penambahbaikan keilmuan mereka dalam bidang berkenaan. Sepanjang pengetahuan penulis, buku-buku yang berada di pasaran sekarang hanya menjurus kepada peperiksaan sahaja seperti Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia dan Sijil Tinggi Agama Malaysia.

3. Persoalan yang sering timbul apabila membicarakan mengenai usaha memperbanyakkan bahan bacaan ilmiah kepada masyarakat ialah tentang harga buku yang tinggi di pasaran Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Demi untuk mempertingkat tahap pembacaan bahan ilmiah di negara kita, penulis mencadangkan agar kerajaan Malaysia memberikan subsidi kepada para penerbit supaya harga buku dapat dikurangkan ke tahap mampu milik di kalangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.
4. Adalah menjadi harapan agar pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi dapat memberikan emolumen dan royalti yang tinggi kepada para pengkaji, penulis dan penterjemah khususnya dalam pengeluaran buku-buku bahasa Arab sebagai satu galakan dan inspirasi tambahan kepada mereka dalam menghasilkan bahan bacaan yang berimpak tinggi.
5. Disarankan agar para pengkaji selepas ini memberi tumpuan dalam menjalankan penyelidikan mengenai disiplin retorik Arab yang mempunyai persamaan dengan topik-topik yang terdapat dalam subjek bahasa Melayu seperti perumpamaan, pemberitaan, kesesuaian makna, gaya bahasa bijaksana dan sebagainya. Perkara ini membolehkan para pencinta agama khususnya pengkaji Melayu yang tidak menguasai bahasa Arab dapat mengambil manfaat daripada kajian yang dijalankan.

6. Menjadi harapan besar agar jabatan-jabatan kerajaan khususnya jabatan yang berkaitan agama dapat membuka peluang kepada kakitangan masing-masing melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan melakukan kajian ilmiah khususnya dalam bidang retorik. Perkara ini dapat melahirkan kakitangan yang berinovasi tinggi dan berkemahiran dalam pengajian Islam dan bahasa Arab ke arah pelaksanaan tugas secara lebih efektif dan bersistematik.

7. Memperbanyakkan pusat-pusat pembangunan dan penyelidikan (R & D) yang menjurus kepada bidang pengajian Islam dan bahasa Arab terutamanya disiplin retorik di seluruh Negara agar membentuk suatu dimensi baru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa al-Qur'ān yang tercinta. Peningkatan keilmuan dan profesionalisme masyarakat khususnya para pendidik dapat mencetuskan idealisme mantap ke arah pembentukan masyarakat berilmu dan berwawasan.

8. Pembelajaran disiplin retorik sewajarnya lebih banyak melibatkan aplikasi daripada ayat-ayat al-Qur'ān, hadis mahupun puisi-puisi Arab. Hal ini dapat memberikan suatu pemahaman yang mantap dan menyeluruh di kalangan para pelajar berbanding pembelajaran berdasarkan teori semata-mata.

9. Menjadi suatu kewajaran untuk melakukan kajian perbandingan antara bahasa ibunda dan bahasa Arab mengenai topik-topik perbahasan retorik bagi mencari titik persamaan dan merapatkan jurang perbezaan antara kedua-dua bahasa berkenaan. Situasi ini dapat mempertingkatkan daya pemahaman masyarakat terutamanya para pelajar ke arah penguasaan dan penghayatan al-Qur'ān secara lebih baik dan tersusun.

10. Pembelajaran bidang tafsir al-Qur'ān perlu dilaksanakan secara beriringan dengan disiplin retorik kerana penurunan al-Qur'ān dalam jumlah yang terhad adalah sarat dengan unsur-unsur retorik dan penuh dengan hikmah pengajaran yang perlu difahami secara konotasi. Perkara ini tentunya dapat membentuk suatu masyarakat yang mempunyai kewibawaan yang tinggi dan menghindarkan pertelingkahan mengenai sesuatu hukum akibat kerendahan tahap kefahaman dalam menyelami maksud sebenar al-Qur'ān.

11. Pihak kerajaan dan para pendidik seharusnya memberi penerangan kepada masyarakat supaya mereka menukar minda yang selama ini menganggap disiplin retorik sebagai suatu topik yang sukar difahami kepada sesuatu perbincangan yang seronok dipelajari. Keadaan ini dapat memberikan suatu anjakan paradigma kepada umat Islam supaya mereka mengulangi sejarah kegemilangan yang merentasi zaman.

5.4 Penutup

Semoga kajian ini dapat menonjolkan keunikan al-Ṭibāq dalam al-Qur'ān agar menjadi pemangkin yang utuh kepada masyarakat keseluruhannya dalam membezakan antara kebenaran dan kebathilan . Hasil daripada kajian ini, diharap dapat memberikan sesuatu yang signifikan terutamanya dalam memperkayakan khazanah ilmu-ilmu Islam di Malaysia. Menjadi harapan penulis, kajian ini mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak yang berkenaan.